

CNS4517

R GB 11-10 00186 BA086

bah

Mahathir - Kerajaan

MATLAMAT WAWASAN AKAN TERCAPAI DENGAN ADANYA KERJASAMA, KATA PM

JOHOR BAHRU, 11 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin matlamat menjadikan Malaysia negara maju dan makmur akan tercapai dengan adanya kerjasama yang rapat antara kerajaan pusat dan kerajaan-kerajaan negeri yang dikuasai Barisan Nasional.

Katanya, hampir semua kerajaan negeri, kecuali Kelantan dan Sabah, mengambil berat dan berusaha bersungguh-sungguh melaksanakan pelbagai projek bagi menjayakan Wawasan 2020.

"Dengan adanya kerjasama itu, projek-projek dapat dilaksanakan dengan licin dan ini akan membantu mencapai matlamat Wawasan 2020," kata Perdana Menteri ketika melancarkan Majlis Penghayatan Wawasan 2020 peringkat negeri Johor, di sini hari ini.

Menurut beliau, kerajaan pusat tidak akan teragak-agak untuk memberi bantuan kepada kerajaan-kerajaan negeri yang dikuasai oleh BN.

Sebaliknya, kerajaan pusat jarang memberi bantuan kepada kerajaan negeri yang bukan dikuasai BN kerana "bukan kita tidak hendak membantu mereka tetapi bila bantuan diberikan, mereka tidak berterima kasih."

Dr Mahathir juga mengingatkan rakyat tentang pentingnya ilmu kerana tanpanya, mereka akan dihina akibat tidak mempunyai kemampuan untuk mempertahankan diri. -- Lagi.

▼11/10/14-47MST

CNS4519

R GB 11-10 00166 BA087

bah

Mahathir - Kerajaan 2 Johor Baharu

Menurutnya, apa yang diperlukan ialah kecekapan dan tumpuan untuk mempelajari segala bidang ilmu sehingga rakyat boleh membuat apa yang dibuat oleh orang lain.

Katanya, Malaysia telah membuktikan kebolehannya dengan mempunyai pakar-pakar dalam bidang tertentu, kebolehan membuat barangan dan penubuhan syarikat-syarikat gergasi yang dulunya tidak dimiliki.

Walaupun syarikat-syarikat gergasi negara ini kecil berbanding syarikat-syarikat gergasi di Barat dan Jepun, ia telah meraih keuntungan tinggi sedangkan syarikat-syarikat di Barat dan Jepun mengalami kerugian besar, katanya.

Dr Mahathir juga berkata Malaysia telah membuktikan kepada dunia bahawa, ketika dunia menghadapi zaman kemelesetan, ia masih mampu mengembang dan mempertingkatkan ekonominya dan semuanya ialah hasil kesedaran dan tanggungjawab kepada bangsa, agama dan negara.

Perdana Menteri berkata, ekonomi negara-negara maju merosot kerana mereka telah hilang kesedaran dan tidak mempunyai matlamat dan hidup semata-mata untuk keseronokan berbanding Malaysia yang inginkan rakyatnya hidup bermatlamat bagi menjaga maruah agar menjadi bangsa yang dihormati di dunia. -- Lagi.

▼11/10/14-49MST

CNS4524

R GB 11-10 00095 BA088

bah

Mahathir - Kerajaan 3 (akhir) Johor Baharu

Perdana Menteri juga mahu anggota masyarakat memperkenalkan matlamat Wawasan 2020 kepada anak-anak mereka agar ia menjadi satu matlamat dan menjadikan mereka orang yang bertanggungjawab terhadap diri sendiri, bangsa, agama dan tanah air.

Menurutnya, mereka harus dilengkapi dengan ilmu agar tidak tercebur dengan kegiatan tidak berfaedah dan tidak bermoral seperti penagihan dadah.

Pada majlis itu, Menteri Besar Tan Sri Muhyiddin Yassin telah menyerahkan resolusi Penghayatan Wawasan 2020 negeri Johor kepada Perdana Menteri. -- Bernama

MKO OM NMO

11/10/14-52MST